



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA, PADA TAHUN 2025

Perbelanjaan pelawat domestik meningkat sebanyak 13.6 peratus kepada RM121.3 bilion pada tahun 2025

PUTRAJAYA, 16 JUN 2026 – Sektor pelancongan domestik Malaysia merekodkan pertumbuhan yang memberansangkan pada tahun 2025 dengan jumlah perbelanjaan pelawat domestik meningkat 13.6 peratus kepada RM121.3 bilion, berbanding RM106.7 bilion pada 2024. Statistik ini diterbitkan dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK (DTS) MALAYSIA 2025** yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Penerbitan ini turut membentangkan statistik tahunan berkaitan ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik pada tahun 2025.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan perbelanjaan pelawat domestik pada tahun 2025 disokong oleh peningkatan perbelanjaan kedua-dua kategori pelawat iaitu pelancong dan pelawat harian, yang masing-masing merekodkan pertumbuhan 14.6 peratus dan 12.2 peratus. Perbelanjaan pelancong kekal sebagai penyumbang terbesar dengan sumbangan sebanyak 59.5 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pelawat domestik.

Sejajar dengan trend positif tersebut, jumlah pelawat domestik meningkat sebanyak 11.5 peratus kepada 290.1 juta orang pada tahun 2025 berbanding 260.1 juta orang pada tahun 2024. Purata bilangan hari menginap juga meningkat kepada 2.56 malam berbanding 2.49 malam pada tahun sebelumnya, mencerminkan kecenderungan yang lebih tinggi dalam kalangan pelawat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan domestik dan tinggal lebih lama di setiap destinasi dalam negara.

Prestasi kukuh pelancongan domestik turut disokong oleh peningkatan permintaan perjalanan semasa musim perayaan utama dan cuti umum termasuk Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas, serta cuti persekolahan. Kempen galakan pelancongan peringkat negeri di bawah inisiatif Tahun Melawat Negeri di beberapa negeri turut menggalakkan aktiviti perjalanan antara negeri dan perbelanjaan di destinasi. Selain itu, kalendar acara kebudayaan dan pelancongan yang pelbagai seperti Pesta Kaamatan di Sabah dan sambutan Gawai Dayak di Sarawak telah menarik pergerakan pelawat yang ketara serta menyumbang kepada aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan. Penganjuran konsert berskala besar, festival, pameran serta kejohanan sukan juga menggalakkan perjalanan domestik sepanjang tahun. Tambahan pula, peranan Malaysia sebagai tuan rumah kepada beberapa mesyuarat ASEAN dan program berkaitan telah meningkatkan aktiviti perjalanan perniagaan dan acara, seterusnya menjana permintaan tambahan bagi perkhidmatan penginapan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan pelancongan di seluruh negara.

Berdasarkan perspektif corak perjalanan menunjukkan majoriti pelawat domestik masih bergantung kepada pengangkutan darat yang merangkumi 97.5 peratus daripada keseluruhan perjalanan domestik pada tahun 2025. Dari segi jenis penginapan, rumah saudara-mara dan rakan kekal menjadi pilihan utama dengan sumbangan sebanyak 56.2 peratus daripada jumlah pelancong. Walau bagaimanapun, penggunaan penginapan berbayar terus meningkat dengan mencatatkan sumbangan 43.8 peratus berbanding 39.6 peratus pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, hotel merupakan pilihan utama dengan sumbangan sebanyak 23.1 peratus.

Dari segi tujuan perjalanan, melawat saudara-mara dan rakan-rakan terus menjadi tujuan utama perjalanan yang merangkumi 35.6 peratus daripada jumlah keseluruhan perjalanan, diikuti oleh aktiviti membeli-belah sebanyak 24.6 peratus. Selaras dengan corak perjalanan tersebut, perbelanjaan untuk membeli-belah merekodkan komponen perbelanjaan tertinggi dengan sumbangan sebanyak 36.9 peratus, diikuti oleh perbelanjaan makanan dan minuman (16.1%) serta pembelian bahan api kenderaan (13.5%).

Dari segi destinasi, Selangor kekal sebagai negeri paling banyak dikunjungi pelawat domestik pada tahun 2025 dengan 36.4 juta pelawat, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (35.1 juta pelawat) dan Perak (23.6 juta pelawat). Prestasi kukuh destinasi destinasi ini mencerminkan kepelbagaian penawaran pelancongan, infrastruktur yang komprehensif, tarikan bandar yang dinamik serta jaringan perhubungan yang strategik, membolehkan ia terus menarik kunjungan pelawat bagi tujuan rekreasi dan perniagaan sepanjang tahun.


Secara keseluruhann, sektor pelancongan domestik Malaysia mencatatkan pertumbuhan berterusan pada tahun 2025 yang disokong oleh peningkatan bilangan pelawat, perbelanjaan pelancongan dan tempoh purata penginapan. Prestasi positif ini mencerminkan permintaan berterusan terhadap perjalanan berkaitan rekreasi, kebudayaan, perniagaan dan acara, di samping minat yang semakin berkembang untuk meneroka destinasi dalam negara. Perkembangan ini menyumbang kepada aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan di seluruh negara, sekali gus mengukuhkan peranan sektor ini dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi setempat.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik di Malaysia, 2018 – 2025




Carta 2: Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Negeri Destinasi, 2025



Carta 3: Jumlah Perbelanjaan Pelawat Domestik di Malaysia, 2018 – 2025



Paparan 1: Peratus Sumbangan Perbelanjaan Pelawat Domestik mengikut Komponen, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
16 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA,
2025**

**Domestic visitor expenditure surged by 13.6 per cent to
RM121.3 billion in 2025**

PUTRAJAYA, 16 JUNE, 2026 – Malaysia's domestic tourism sector recorded a commendable performance in 2025, with total domestic visitor expenditure increasing by 13.6 per cent to reach RM121.3 billion, compared to RM106.7 billion in 2024. These statistics are published in the **DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS) MALAYSIA 2025** report, released today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The publication presents comprehensive annual statistics covering visitor arrivals, tourism expenditure, travel patterns, as well as the social and demographic profiles of domestic visitors in 2025.

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, stated that the growth in domestic visitor expenditure in 2025 was driven by increases in both tourist and excursionist spending, which recorded growth rates of 14.6 per cent and 12.2 per cent, respectively. Tourist expenditure remained the largest contributor, accounting for 59.5 per cent of total domestic visitor spending.

In line with this positive trend, the number of domestic visitors increased by 11.5 per cent, reaching 290.1 million visitors in 2025 compared to 260.1 million in 2024. The average

length of stay also rose to 2.56 nights from 2.49 nights in the preceding year, reflecting a stronger propensity among travellers to engage in domestic tourism activities and spend longer periods at destinations within the country.

The robust performance of domestic tourism was supported by higher travel demand during major festive and holiday periods, including Chinese New Year, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali and Christmas, as well as school holidays. State-level tourism campaigns under the Tahun Melawat Negeri initiatives in selected states further encouraged inter-state travel and destination spending. In addition, the vibrant calendar of cultural and tourism events, including the Kaamatan Festival in Sabah and the Gawai Dayak celebrations in Sarawak, attracted substantial visitor movements and contributed to tourism-related economic activities. The organisation of large-scale concerts, festivals, exhibitions and sporting tournaments also stimulated domestic travel throughout the year. Furthermore, Malaysia's role as host of several ASEAN meetings and related programmes enhanced business and event-related travel, generating additional demand for accommodation, transportation and other tourism services nationwide.

Based on travel pattern perspective, the majority of domestic visitors continued to rely on land transport, which accounted for 97.5 per cent of total domestic travel in 2025. In terms of accommodation, staying with relatives and friends remained the most preferred option, contributing 56.2 per cent of total tourists. Nevertheless, the use of paid accommodation increased to 43.8 per cent, compared to 39.6 per cent in 2024, with hotels being the primary choice at 23.1 per cent.

In terms of travel purpose, visiting relatives and friends remained the leading reason for travel, accounting for 35.6 per cent of total trips, followed by shopping at 24.6 per cent. Correspondingly, shopping constituted the largest expenditure component at 36.9 per cent, followed by food & beverages (16.1 per cent) and vehicle fuel (13.5 per cent).

From a destination perspective, Selangor remained the most visited state in 2025, attracting 36.4 million visitors, followed by the Federal Territory of Kuala Lumpur with

35.1 million visitors and Perak with 23.6 million visitors. The strong performance of these destinations reflects their diversified tourism offerings, well-developed infrastructure, vibrant urban attractions and strategic connectivity, which continued to draw both leisure and business travellers throughout the year.

Overall, Malaysia's domestic tourism sector recorded continuous growth in 2025, supported by increases in visitor numbers, tourism expenditure and average length of stay. The positive performance reflected continuous demand for leisure, cultural, business and event-related travel, as well as growing interest in exploring domestic destinations. These developments contributed to tourism-related economic activities across the country, reinforcing the sector's role in supporting economic growth and local development.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Number of Domestic Visitors in Malaysia, 2018 – 2025




Chart 2: Number of Domestic Visitors by State Visited, 2025




Chart 3: Total Expenditure of Malaysia's Domestic Visitors, 2018 – 2025





Exhibit 1: Percentage Share of Expenditure Components by Domestic Visitors, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 JUNE 2026